

MAHATHIR-RADIOAKTIF R'R'R'  
(1)

1984

BANGI, 5 JUN (BERNAMA) --KEAJAAN TIDAK BERCADANG MEMBATALKAN RANCANGAN MENGADAKAN KAWASAN PEMBUANGAN SISA RADIOAKTIF DIPAPAN, DEKAT IPOH ATAU MEMINDAHKANNYA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARX INI.

BELIAU BERKATA BAHAWA BAGI KERAJAAN KEPUTUSAN MENGENAI TEMPAT TERSEBUT DIBUAT BERIKUTAN KAJIAN DAN PENYELIDIKAN OLEH PAKAR-PAKAR DARI PUSPATI DENGAN KERJASAMA AGENSI TENAGA ATOM ANTARABANGSA (IAEA).

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MENGULAS LAPORAN TENTANG BANTAHAN PENDUDUK PAPAN MENGENAI PEMBINAAN SEBUAH PARI TDI KAWASAN ITU BAGI MEMBUANG SISA RADIOAKTIF DARI KILANG ASIAN RARE EARTH SDN. BERHAD DI LAHAT.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT PUSAT PENYELIDIKAN ATOM TUNISMAIL (PUSPATI) DI SNI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MENGENAKAN SYARAT-SYARAT YANG KETAT UNTUK MEMASTIKAN PEMBUANGAN SISA RADIOAKTIF ITU TIDAK AKAN MEMBAHAYAKAN ORANG RAMAI, TERUTAMA YANG TINGGAL BERHAMPIRAN KAWASAN ITU.

+BAGAIMANA PUN TIDAK ADA PIHAK YANG DAPAT MEMBERI JAMINAN 100 PERATUS BAHAWA IA SELAMAT+, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MENGAMBIL SEGALA LANGKAH YANG PERLU UNTUK MEMASTIKAN KAWASAN PEMBUANGAN SISA RADIOAKTIF ITU TIDAK MEMBAHAYAKAN PENDUDUK SEKITARNYA.

BELIAU BERKATA BAGI KERAJAAN PROJEK ITU AKAN DITERUSKAN DAN MENAMBAH YANG BELIAU TIDAK FIKIR NEGERI-NEGERI LAIN AKAN MENYEDIAKAN KAWASAN UNTUK TUJUAN ITU ATAS ALASAN YANG SERUPA.

KATANYA ADALAH TIDAK BIJAK MEMBUANG SISA RADIOAKTIF ITU KE DALAM LAUT KERANA BAHAYANYA SAMASAJA.

MENGENAI LAPORAN BAHAWA MENTERI BESAR PERAK, DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB TELAH MEMBERI JAMINAN YANG PAKAR-PAKAR DARI IAEA AKAN DIPANGGIL UNTUK MEMASTIKAN YANG KAWASAN PEMBUANGAN DIPAPAN MEMENUHI KEPERLUAN PIAWAIAN KESELAMATAN ANTARABANGSA, PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA BELIAU TIDAK FAHAM MENGAPA RAKYAT HARUS BERGANTUNG KEPADA PENDAPAT ORANG ASING SEDANGKAN MALAYSIA MEMPU NYAI PAKAR-PAKARNYA DALAM BIDANG ITU.

BELIAU MENGULANGI BAHAWA PERAKUAN MENGENAI KAWASAN PEMBUANGAN ITU DIBUAT OLEH PAKAR-PAKAR PUSPATI SETELAH BERUNDING DENGAN PIHAK IAEA.

--BERNAMA 1910/AN